

Bajet Negeri Melaka 2026: Merancang pembangunan, memaknai kesejahteraan rakyat

Oleh
**Mohd Hanif
Mohd Omar**
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
UTM Cawangan Melaka



Oleh
**Mohd Ariff
Mustafa**
Fakulti Perakaunan,
UTM Cawangan Melaka



hasil berterusan serta peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Perbelanjaan Mengurus dan Keutamaan Rakyat

Peruntukan perbelanjaan mengurus yang besar mencerminkan keutamaan kerajaan negeri terhadap kelangsungan perkhidmatan awam, kebajikan penjawat awam, serta fungsi jabatan dan agensi yang berhubung secara langsung dengan rakyat. Perbelanjaan untuk perkhidmatan dan belkalan, emolument serta pemberian dan bayaran tetap menunjukkan bahawa operasi kerajaan masih menjadi tulang belakang penyediaan dasar.

Namun, kecukupan pelaksanaan menjadi faktor penentu. Setiap ringgit yang dibelanjakan perlu diterjemahkan kepada perkhidmatan yang dirasakan rakyat, bukan sekadar pematuhan prosedur pentadbiran. Contohnya di bawah Maksud Pembangunan P11 Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan pembangunan bagi tahun 2026 meningkat kepada RM11.72 juta, berbanding RM11.27 juta pada 2025. Peningkatan ini memberi tumpuan kepada projek kecil saliran, parit dan sungai, rancang saliran bandar serta pengairan pertanian semuanya dibiayai melalui peruntukan terus tanpa pinjaman.

Langkah ini mencerminkan kefahaman bahawa sistem saliran bukan lagi isu teknikal semata-mata, tetapi keperluan mendasar untuk melindungi keselamatan rakyat. Dalam konteks Melaka yang semakin terdedah kepada hujan ekstrem dan banjir kilat, pelaburan dalam saliran perlu dilihat sebagai kos pencegahan, yang menjamin perbelanjaan pascabencana serta melindungi harta dan nyawa penduduk.

Peruntukan terbesar kepada projek kecil saliran dan parit memberi kesan langsung kepada kawasan perumahan berisiko banjir satu pendekatan pro-rakyat yang wajar diteruskan. Namun, keutamaan seterusnya ialah memastikan penyelenggaraan berjadual dan pemantauan berterusan agar infrastruktur yang dibina tidak menjadi projek sekali siap tanpa impak jangka panjang.

Pembangunan Fizikal, Alam Sekitar dan Kualiti Hidup

Peruntukan pembangunan sebanyak RM93 juta memberi tumpuan kepada infrastruktur, pengurusan sumber air, tebatan banjir serta pemeliharaan alam sekitar. Penyertaan peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT) menandakan kesedaran bahawa pembangunan ekonomi perlu berjalan seiring dengan pemeliharaan biodiversiti

dan kelestarian alam.

Bagi Melaka, negeri yang kaya dengan warisan sejarah dan alam semula jadi, keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian alam bukan lagi pilihan, tetapi keperluan strategik untuk jangka panjang.

Peruntukan RM1 juta bagi projek hakisan pantai di bawah P11 kekal konsisten. Bagi sebuah negeri pelancongan pesisir seperti Melaka, langkah ini bukan sekadar perlindungan alam sekitar, tetapi pelaburan ekonomi. Hakisan pantai yang tidak ditangani boleh menjejaskan sektor pelancongan, komuniti nelayan serta aset warisan pesisir yang menjadi tarikan utama negeri.

Dalam jangka panjang, perlindungan pantai perlu diintegrasikan dengan perancangan pelancongan lestari menggabungkan pemuliharaan alam, keselamatan awam dan daya tarikan pelancongan yang berkualiti.

Pertanian dan Keselamatan Makanan: Memperkukuh Akar Ekonomi Rakyat

Di bawah P12 Jabatan Pertanian, jumlah peruntukan meningkat kepada RM2.18 juta pada 2026. Fokus diberikan kepada pembangunan industri tanaman makanan, asas tani, agro-pelancongan serta transformasi pertanian. Walaupun peningkatannya sederhana, hala tuju peruntukan ini amat signifikan dalam menjamin keselamatan makanan dan pendapatan petani kecil.

Peruntukan kepada industri tanaman makanan dan pengairan pertanian melindungi kumpulan yang paling terkesan akibat gangguan iklim petani kecil dan pengusahanya luar bandar. Dalam ekosistem ini, setiap penambahan sistem pengairan memberi kesan langsung kepada hasil tanaman, kestabilan harga dan kelangsungan ekonomi keluarga tani.

Agro-pelancongan pula membuka ruang baharu untuk mempelbagaikan sumber pendapatan luar bandar, selari dengan aspirasi Melaka sebagai destinasi pelancongan berasaskan budaya, alam dan komuniti.

Walaupun hala tuju perbelanjaan pembangunan negeri bagi tahun 2026 menunjukkan keutamaan yang tepat dan berpaksikan keperluan rakyat, pelaksanaannya wajar diperkukuh melalui pendekatan yang lebih bersepadu dan berimpak. Antara aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah penyelarasan yang lebih kukuh antara perancangan sistem saliran dengan pembangunan bandar. Tanpa penyelarasan ini, pembangunan baharu berisiko meningkatkan tekanan terhadap sistem saliran sedia ada dan seterusnya memburukkan masalah

banjir kilat di kawasan perumahan.

Selain itu, keperluan untuk melaksanakan audit keberkesanan terhadap projek-projek kecil tidak boleh dipandang ringan. Projek berskala kecil sering memberi kesan langsung kepada komuniti setempat, namun tanpa penilaian impak yang sistematik, manfaat sebenar kepada rakyat sukar diukur dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Penglibatan komuniti dan petani dalam pemantauan projek saliran dan pengairan juga wajar diperluaskan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, malah membina rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dalam menjaga infrastruktur awam yang dibangunkan untuk kesejahteraan mereka sendiri.

Akhir sekali, integrasi data cuaca dan maklumat banjir secara bersepadu perlu menjadi asas kepada perancangan pembangunan negeri. Perancangan berasaskan bukti dan data akan membolehkan kerajaan bertindak secara lebih proaktif dan strategik, berbanding pendekatan reaktif yang sering meningkatkan kos dan risiko pada masa hadapan.

Ke Arah Pembangunan Berteraskan Nilai

Apabila membezakan Bajet Negeri Melaka 2026 ialah pendekatannya yang cuba menggabungkan pembangunan ekonomi dengan nilai sosial dan keinsanan. Peruntukan kepada jabatan kebajikan, institusi agama dan pembangunan komuniti menandakan kesedaran bahawa kemajuan sebenar tidak hanya diukur melalui angka pertumbuhan, tetapi juga kesejahteraan hidup dan keharmonian masyarakat.

Dalam era digital dan ekonomi berasaskan kandungan, cabaran baharu turut muncul. Justeru, pembangunan perlu disertai dengan nilai etika, tadbir urus yang baik dan kesedaran sivik agar kemajuan tidak mengorbankan jati diri dan keseimbangan sosial.

Kesimpulan

Bajet Negeri Melaka 2026 menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan negeri yang lebih tersusun dan berorientasikan rakyat. Namun, kejayaannya tidak terletak pada angka peruntukan semata-mata, sebaliknya pada keupayaan pelaksanaan, pemantauan dan penglibatan semua pihak.

Jika dilaksanakan dengan telus, beretika dan berfokus kepada impak, Bajet 2026 berpotensi menjadi pemangkin kepada Melaka yang bukan sahaja maju dari segi ekonomi, tetapi juga berdaya tahan, berbudaya dan berjiwa rakyat.